

Headline	Khazanah umum peletakan jawatan 3 Ahli Lembaga Pengarah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Jun 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	127 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,926		



Khazanah umum peletakan jawatan 3 Ahli Lembaga Pengarah

PUTRAJAYA - Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) mengumumkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Ahli Lembaga Pengarahnya berkuatkuasa semalam.

Khazanah menerusi satu kenyataan berkata, turut melepaskan jawatan mereka sebagai Ahli Lembaga Pengarah ialah bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

"Mohd. Irwan dan Johari masing-masing telah meletakkan jawatan berkuatkuasa 23 dan 30 Mei lalu," katanya di sini semalam.

Terdahulu dalam satu sidang media yang diadakan semalam, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng



menyatakan bahawa Najib dan Mohd. Irwan sepatutnya melepaskan jawatan mereka dalam agensi kerajaan.

"Saya fikir mereka perlu buat perkara yang betul, saya yakin mereka tahu apa yang perlu dilakukan

dan lebih cepat mereka letak jawatan lebih baik," katanya.

Khazanah merupakan dana pelaburan strategik milik kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk memegang dan menguruskan aset komersial kerajaan dan melaksanakan pelaburan-pelaburan strategik.

Antara syarikat utama di bawah portfolio pelaburannya adalah Telekom Malaysia Bhd., Tenaga Nasional Bhd., CIMB Group, Axiata Group Bhd., IHH Healthcare Bhd., Malaysia Airports Holdings Bhd. dan UEM Sunrise Bhd.